



LAWAT PAMERAN.... Dr. Norazah Mohd. Suki (tiga dari kanan) melawat gerai sempena Ekspo APK 2012 sambil diperhatikan Iftekhar Amin Chowdhury (dua dari kanan) dan V. Rajan Sharma (kanan sekali).

NSP 10-05-2012 4

Kursus Pembudayaan Keusahawanan dapat sambutan

LABUAN: Kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) mendapat sambutan yang luar biasa apabila seramai 500 pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dan peniaga Rukun Tetangga Sungai Miri/ Pagar telah menyertainya.

Kursus yang diadakan baru-baru ini, sempena Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan telah dianjurkan secara bersama oleh pelajar Tahun Dua Sekolah Perniagaan dan Kewangan UMS-KAL dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Labuan serta Kawasan Rukun Tetangga Sungai Pagar/Sungai Miri.

Asian Supply Base (ASB) Sdn Bhd dan Skynet Worldwide Labuan Sdn Bhd merupakan penaja utama program dua hari itu yang diadakan di tempat letak kereta UMS-KAL.

Sementara itu, majlis perasmian disempurnakan oleh Pemangku Dekan SPKAL, Prof. Madya Dr. Norazah Mohd. Suki yang mewakili Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang.

Hadir Pengurus Hal Ehwal Am dan Perkhidmatan Sokongan Admin, Asian Supply Base Sdn. Bhd, Jaimeh Majid, Pengarah Pengurusan Skynet Worldwide Labuan Sdn. Bhd, V. Rajan Sharma dan Pengarah JPNIN Wilayah Persekutuan Labuan, Mimie D Selvakumar.

Turut hadir Penyelaras Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS-KAL, Soon Chiow Thai, Penyelaras Program APK, Iftekhar Amin Chowdhury dan Pengarah Program Ekspo APK 2012, Sharmili Arulanantham **OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**